



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 2 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	62,500 FAMA FOOD KITS FOR DISASTER VICTIMS, NATION, THE STAR -13 FAMA SEDIAKAN LEBIH 60,000 KIT MAKANAN KEPADA NADMA, UTUSAN BORNEO SABAH, -ONLINE FAMA SEDIA LEBIH 62,000 KIT MAKANAN KEPADA NADMA, NASIONAL, SH -21 FAMA BEKAL 62,500 KIT MAKANAN KEPADA NADMA, LOKAL, HM -21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7. 8.	SALUR RM10 JUTA, BISNES, HM -22 DANA UNTUK HOMECHIEF FOODPANDA, NIAGA, KOSMO -37 AGROBANK SASAR RM10J BIAYA PENIAGA PLATFORM FOODPANDA, BISNES, BH -25 AGROBANK BANTU PERKASAKAN USAHAWAN FOODPANDA, BISNES, SH -29	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	3 SYARIKAT SINGAPURA KUASAI EKSPORT AYAM, DALAM NEGERI, UM 1 & 3 KERAJAAN NAIKKAN SUBSIDI, TINGKATKAN PENGELUARAN TELUR AYAM, NASIONAL, SH -13 SUBSIDI TELUR AYAM KINI 10 SEN SEBUJ, NEGARA, KOSMO -4 SEKURITI MAKANAN AGENDA UTAMA JAGA KEBAJIKAN RAKYAT, RENCANA, UM -17 SUBSIDI TELUR AYAM NAIK KEPADA 10 SEN, NASIONAL, BH -15 KKM PANTAU KEMASUKAN 'BABY NANAS', NASIONAL, BH -15 SIKLAMAT: NANAS DI PINTU MASUK, PASARAN DIPANTAU, LOKAL, HM -20 SUBSIDI TELUR AYAM DINAikkan LAGI 2 SEN, LOKAL, HM -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

62,500 Fama food kits for disaster victims

TANJONG KARANG: A total of 62,500 food kits will be supplied to the National Disaster Management Agency (Nadma) for distribution to victims of disasters, especially floods, across the country.

The Agriculture and Food Industries Ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), is the supplier.

Fama had signed an agreement with Nadma to provide food kits, of which 30,000 would be provided as first phase stock before the end of this year, said the authority's deputy director-general (operations) Abdul Rashid Bahri.

"This is early assistance to each household containing Agromas and other entrepreneurs' ready-to-eat food items.

"The shelf life of the food is for a year," he told Bernama after the launch of Northeast Monsoon Food Kit Distribution 2022/2023 at the Fama food processing centre here yesterday.

02 NOV, 2022

FAMA sediakan lebih 60,000 kit makanan kepada NADMA

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA sediakan lebih 60,000 kit makanan kepada NADMA

Kit akan diedarkan kepada mangsa bencana di seluruh negara

TANJONG KARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membekalkan 62,500 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diedarkan kepada mangsa terlibat bencana khususnya banjir di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA Abdul Rashid Bahri berkata pihaknya telah memeterai satu persetujuan dengan NADMA bagi FAMA menyediakan sejumlah 62,500 kit makanan dengan 30,000 daripadanya perlu disediakan sebagai stok fasa pertama sebelum akhir tahun ini.

"Ia sebagai bantuan awal kepada setiap keluarga mangsa bencana berisi produk



KIT MANGSABANJIR: Sukarelawan, Jamilah Mohd Jamhart, 26, (kiri) bersama rakannya Lia Syuhada Sulaiman, 24, mengisi kit makanan ke dalam kotak sebelum diedarkan pada Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan Monsun Laut bagi Tahun 2022/2023 oleh Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Perancangan dan Persediaan Bencana (Dasar) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jamil Derus Ahmad di Pusat Memproses Makanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kuala Selangor, semalam. — *Gambar Bernama*

“Ia sebagai bantuan awal kepada setiap keluarga mangsa bencana berisi produk berjenama Agromas dan produk usahawan lain yang sedia untuk dimakan segera tanpa perlu memasak. Semua makanan itu boleh bertahan selama setahun.”

Abdul Rashid Bahri
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA

berjenama Agromas dan produk usahawan lain yang sedia untuk dimakan segera tanpa perlu memasak. Semua makanan itu boleh bertahan selama setahun,” katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelepasan

Pengedaran Kit Makanan Monsun Timur Laut Bagi tahun 2022/23 di Pusat Memproses Makanan FAMA di sini semalam yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Persediaan Bencana (Dasar) NADMA Jamil

Derus Ahmad dan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Selangor, Penolong Pesuruhjaya Pertahanan Awam Mulliadi Al-Hamdi Ladin.

Abdul Rashid berkata FAMA yang mempunyai 40 pusat memproses makanan di seluruh negara telah berjaya membekalkan lebih 250,000 kit makanan kepada NADMA sejak 2015.

“Kami juga akan bekerjasama baik dengan APM yang akan menerima produk tersebut (kit makanan untuk diedarkan). Kerjasama kami sangat erat dan kami berjanji untuk kit makanan itu dapat dihantar dalam tempoh 24 jam,” katanya.

Sementara itu, Jamil Derus berkata jumlah kit makanan

yang disediakan dengan kerjasama FAMA itu akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan selain berharap dapat meringankan beban mangsa bencana.

Mengulas mengenai persediaan menghadapi bencana termasuk banjir, Jamil Derus berkata pihaknya pada tahun ini berada di tahap kesiapsiagaan tertinggi dengan mengambil iktibar dan pengalaman pada tragedi banjir pada tahun lepas.

“Kami juga telah mengadakan beberapa kursus dan menambak baik sistem pengurusan untuk Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) untuk enam zon di seluruh negara,” katanya. — *Bernama*



02 NOV, 2022

FAMA sediakan lebih 60,000 kit makanan kepada NADMA

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kitakan diedarkan kepada mangsa bencana di seluruh negara

((Ia sebagai bantuan setiap keluarga mangsa berisi produk berjenama produk usahawan lain dimakan segera tanpa Semua makanan itu selama setahun.)) TANJONG KARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membekakan 62,500 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diedarkan kepada mangsa terlibat bencana khususnya banjir di seluruh negara.

FAMA sedia lebih 62,000 kit makanan kepada Nadma

TANJONG KARANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membekalkan 62,500 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk didedarkan kepada mangsa terlibat bencana khususnya banjir di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya telah memeterai satu persetujuan dengan Nadma bagi FAMA menyediakan sejumlah 62,500 kit makanan dengan 30,000 daripadanya perlu disediakan sebagai stok fasa pertama sebelum akhir tahun ini.

"Ia sebagai bantuan awal kepada setiap keluarga mangsa bencana yang berisi produk berjenama Agromas dan produk usahawan lain yang sedia untuk dimakan tanpa perlu memasak. Semua makanan itu boleh bertahan selama setahun," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan Monsun Timur Laut bagi Tahun 2022/23 di Pusat Memproses Makanan FAMA, di sini pada Selasa.

Jelas Abdul Rashid, FAMA yang mempunyai 40 pusat memproses makanan di seluruh negara telah berjaya membekalkan lebih 250,000 kit makanan kepada Nadma sejak 2015.

"Kami juga akan bekerjasama baik dengan APM (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia) yang akan menerima produk tersebut (kit makanan untuk didedarkan).

"Kerjasama kami sangat erat dan kami berjanji untuk kit makanan itu dapat dihantar dalam tempoh 24 jam," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Persediaan Bencana (Dasar) Nadma, Jamil Derus Ahmad berkata, jumlah kit makanan yang disediakan dengan kerjasama FAMA itu akan ditambah dari masa ke masa mengikut keperluan selain berharap ia dapat meringankan beban mangsa bencana. - Bernama

FOTO: BERNAMA



Abdul Rashid (depan kanan) dan Jamil Derus (dua dari kanan) melihat kit makanan sebelum didedarkan pada Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan Monsun Timur Laut di Pusat Memproses Makanan FAMA Kuala Selangor pada Selasa.

Fama bekal 62,500 kit makanan kepada Nadma

Tanjong Karang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) akan membekalkan 62,500 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk diedarkan kepada mangsa bencana khususnya banjir di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Fama Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya sudah memeterai satu persetujuan dengan Nadma bagi Fama menyediakan sejumlah 62,500 kit makanan dengan 30,000 daripadanya perlu disediakan sebagai stok fasa pertama sebelum akhir tahun ini.

"Ia sebagai bantuan awal kepada setiap keluarga mangsa bencana berisi produk berjenama Agromas dan produk usahawan lain yang sedia untuk dimakan segera tanpa perlu memasak. Semua makanan itu boleh bertahan selama setahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan

Monsun Timur Laut 2022/23 di Pusat Memproses Makanan Fama, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Persediaan Bencana (Dasar) Nadma Jamil Derus Ahmad dan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Selangor, Penolong Pesuruhjaya (PA) Mulliadi Al-Hamdi Ladin.

Abdul Rashid berkata, Fama yang mempunyai 40 pusat memproses makanan di seluruh negara berjaya membekalkan lebih 250,000 kit makanan kepada Nadma sejak 2015.

"Kami juga akan bekerjasama baik dengan APM yang akan menerima produk tersebut (kit makanan untuk diedarkan). Kerjasama kami sangat erat dan kami berjanji untuk kit makanan itu dapat dihantar

dalam tempoh 24 jam," katanya.

Sementara itu, Jamil Derus berkata, jumlah kit makanan yang disediakan dengan kerjasama Fama akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan selain berharap ia dapat meringankan

beban mangsa-mangsa bencana.

Mengulas mengenai persediaan menghadapi bencana termasuk banjir, Jamil Derus ber-

kata pihaknya sudah berada di tahap ke-siapsiagaan tertinggi dengan mengambil iktibar dan pengalaman pada tragedi banjir pada tahun lalu.

"Kami juga sudah mengadakan beberapa kursus dan menambak sistem pengurusan untuk Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) untuk enam zon di seluruh negara," katanya.

"Jumlah kit makanan yang disediakan dengan kerjasama Fama akan ditambah dari semasa ke semasa"

Jamil Derus

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Platform penghantaran makanan, foodpanda Malaysia menjalin kerjasama dengan Agrobank bagi menyediakan bantuan kewangan kepada vendor foodpanda untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka menerusi jaringan HomeChef.

Menerusi kerjasama itu sebanyak RM10 juta pembiayaan dijangka disalurkan kepada lebih 5,000 vendor HomeChef di bawah foodpanda Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya menyediakan kepakaran dan sokongan kewangan kepada vendor dan rakan penghantar sedia ada dan berpotensi di bawah inisiatif HomeChef melalui Program Pembiayaan Pemulihan NewBiz.

"Di bawah Program Pembiayaan Pemulihan NewBiz sebanyak RM50 juta jumlah pembiayaan disediakan dan melalui kerjasama dengan foodpanda kami menjangkakan kira-kira RM10 juta akan disalurkan kepada vendor HomeChef yang memerlukan pembiayaan.

"Jumlah maksimum pembiayaan bagi tempoh setahun pertama adalah RM5,000 dan tahun berikutnya maksimum sehingga RM10,000.

"Setiap pemohon akan diberi moratorium selama enam bulan dan dikenakan kadar keuntungan sebanyak 3.0 peratus pada bulan ketujuh dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 60 bulan.

"Pembiayaan ini boleh digunakan untuk pembelian aset tetap dan modal pu-



SAYANTAN (kanan) dan Tengku Ahmad Badli Shah menandatangani MoU kerjasama foodpanda dan Agrobank.

SALUR RM10 JUTA

foodpanda, Agrobank kerjasama sediakan bantuan kewangan kepada vendor untuk memulakan, kembangkan perniagaan

singan untuk pelbagai aktiviti perniagaan seperti pengedaran dan penghantaran makanan melalui platform p-hailing seperti foodpanda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara foodpanda dan Agrobank di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif foodpanda Malaysia, Sayantan Das.

HomeChef adalah inisiatif foodpanda untuk pengembangan dan peningkatan jumlah perniagaan dari rumah sambil menghubung-

kan pelanggan dengan hidangan unik yang enak melalui platform foodpanda.

Sayantan berkata, sebagai peneraju dalam bidang penghantaran makanan dan perdagangan pantas, pihaknya percaya dalam usaha yang boleh memperkasakan keusahawanan kerana dalam jangka masa panjang, usaha seperti ini akan meningkatkan pertumbuhan perniagaan tempatan.

"foodpanda tidak hanya berfungsi sebagai pasaran pasif semata-mata di mana vendor boleh berhubung dengan setiap pelanggan mereka, tetapi kami berusaha untuk memupuk dan me-

nyokong untuk mereka mencapai potensi penuh masing-masing," katanya.

Beliau berkata, kerjasama eksklusif ini turut menyakikan foodpanda dan Agrobank akan menjalankan program HomeChef pada jera-rawara di seluruh negara yang bertujuan membimbing vendor dalam perjalanan digitalisasi mereka dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai program itu.

Menurutnya, lokasi jera-rawara termasuklah bandar peringkat kedua dan kawasan separa bandar di Pahang, Kelantan, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak.

"foodpanda Malaysia berhasrat untuk mewujudkan ekosistem yang memperkasakan pembangunan perniagaan dari rumah.

"Untuk program ini, pastinya kami amat teruja untuk bekerjasama dengan Agrobank kerana ia sejajar dengan visi kami iaitu untuk menambah usahawan tempatan dalam bidang makanan dan minuman.

"Kami berharap dapat memanfaatkan kekuatan dan kewujudan Agrobank yang meluas untuk mengembangkan inisiatif HomeChef dan menjangkau bakal pemilik perniagaan di seluruh negara," katanya.

Dana untuk HomeChef Foodpanda

KUALA LUMPUR – Platform penghantaran makanan, Foodpanda Malaysia menandatangani memorandum persefahaman bersama Agrobank untuk menyediakan bantuan kewangan buat vendor Foodpanda memula dan mengembangkan perniagaan menerusi jaringan HomeChef.

Program HomeChef (tukang masak dari rumah) menyediakan peluang buat individu terjejas akibat cabaran ekonomi semasa untuk memulakan perniagaan makanan dari rumah masing-masing menerusi platform Foodpanda.

Buat masa ini, Foodpanda memiliki seramai 5,000 HomeChef yang mana hampir 3,000 daripadanya beroperasi di Lembah Klang.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, menerusi Program Pembiayaan Permuli NewBiz Agrobank, HomeChef berpeluang mendapat perniagaan mudah sehingga RM5,000 untuk memulakan perniagaan dan RM5,000 lagi selepas tempoh setahun untuk mengembangkan perniagaan.

Jelasnya, setiap pemohon



TENGGU AHMAD BADLI SHAH (kiri) bersama Sayantan pada majlis kerjasama di Kuala Lumpur semalam.

akan diberi moratorium selama enam bulan, sebelum kadar keuntungan tiga peratus dikenakan pada bulan ketujuh, dengan

tempoh pembiayaan maksimum sehingga 60 bulan.

"Ya disediakan untuk peniaga baharu yang tidak memiliki seba-

peralatan memasak yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran kerjasama antara dua entiti tersebut di sini semalam.

Selain untuk membeli aset tetap dan sebagai modal pusingan bagi aktiviti perniagaan makanan, program pembiayaan Agrobank juga boleh dimanfaatkan rakan kongsi penghantaran Foodpanda untuk membeli motosikal.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Foodpanda Malaysia, Sayantan Das berkata, pihaknya menyasarkan untuk menarik sekitar 2,000 HomeChef baharu menerusi kerjasama berkenaan.

"Kerjasama ini turut melibatkan siri jelajah bersama pihak Agrobank di seluruh negara bertujuan mempromosikan program ini dan membimbing vendor kami dalam perjalanan digitalisasi mereka yang telah pun bermula di Maran, Pahang pada 27 Oktober lalu.

"Kami berharap dapat memanfaatkan kekuatan dan kehadiran kukuh Agrobank untuk mengembangkan inisiatif HomeChef ini," katanya.

Agrobank sasar RM10j biaya peniaga platform Foodpanda

Tempoh bayar balik maksimum sehingga 60 bulan untuk mula, kembang operasi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Agrobank menyasar untuk menyalurkan sehingga pembiayaan RM10 juta kepada peniaga kecil menerusi kerjasama dengan Foodpanda dalam tempoh setahun pertama.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata

penyaluran pembiayaan itu adalah di bawah peruntukan Program Pembiayaan PEMULIH NewBiz berjumlah RM50 juta.

Katanya, sasaran itu berdasarkan andaian 50 peratus daripada lebih 5,000 Home-Chef di bawah Foodpanda memerlukan pembiayaan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

"Jika mereka memohon pembiayaan antara RM5,000 sehingga RM10,000, maka kami jangkakan sehingga RM10 juta peruntukan dapat disalurkan untuk tahun pertama.

"Kita juga berharap kerjasama eksklusif dengan Foodpanda ini dapat dijalinakan untuk tempoh jangka panjang dan tidak terhad untuk setahun sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis memdatangani memorandum per-

sefahaman (MoU) di antara Agrobank dengan Foodpanda di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Foodpanda Malaysia, Seyantan Das.

Memoratorium enam bulan

Di bawah Program Pembiayaan PEMULIH NewBiz, setiap pemohon akan diberi memorandum selama enam bulan dan dikenakan kadar keuntungan tiga peratus pada bulan ketujuh dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 60 bulan.

Pembiayaan boleh digunakan untuk pembelian aset tetap dan modal pusingan bagi pelbagai aktiviti perniagaan seperti pengedaran dan penghantaran makanan melalui platform p-hailing seperti Foodpanda.

Melalui program ini juga, rakan



Tengku Ahmad Badli Shah (kiri) dan Das pada majlis MoU Agrobank dengan Foodpanda di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

kongsi penghantaran Foodpanda boleh mendapatkan pembiayaan untuk membeli motosikal.

Home-Chef adalah inisiatif untuk mengembang dan meningkatkan jumlah perniagaan dari rumah sambil menghubungkan pelanggan dengan hidangan yang dimasak dari rumah melalui platform Foodpanda.

Mengulas inisiatif berkenaan, Sayantan berkata, sebagai peneraju dalam bidang penghantaran makanan dan perdagangan pantas, Foodpanda percaya dalam usaha yang boleh memperkaskan keusahawanan kerana pada jangka masa panjang, usaha terbit akan meningkatkan pertumbuhan perniagaan tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2022	SINAR HARIAN	BISNES	29

Agrobank bantu perkasakan usahawan Foodpanda

KUALA LUMPUR - Agrobank dan Foodpanda Malaysia Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menyediakan bantuan kewangan kepada para vendor usahawan Foodpanda dari rumah untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka menerusi peruntukan dana berjumlah RM50 juta.

Menerusi kerjasama itu, para vendor dan rakan penghantar Foodpanda di bawah program jaringan HomeChef, berpeluang dan mempunyai akses kepada Program Pembiayaan PEMULIH NewBiz Agrobank, iaitu skim pembiayaan mikro bagi individu-individu yang berminat untuk memulakan perniagaan makanan sendiri dari rumah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kerjasama itu akan meningkatkan lagi visi bank untuk menerajui sektor pertanian negara dan memenuhi keperluan komuniti agromakanan termasuk yang menjalankan aktiviti hulu dan hiliran.

"Kami boleh menyediakan kepakaran dan sokongan kewangan kepada para vendor dan rakan penghantar yang sedia ada dan berpotensi Foodpanda di bawah inisiatif HomeChef," kata Ahmad Badli pada majlis menandatangani MoU itu di ibu pejabat Foodpanda Malaysia di sini pada Selasa.

"Kita menjangkakan RM10 juta daripada peruntukan itu akan digunakan pada tahun pertama. Tiada cagaran diperlukan dan setiap vendor di bawah program ini layak mendapat pinjaman sebanyak RM5,000 dengan diberi moratorium bagi enam bulan pertama.

"Pemohon akan dikenakan kadar keuntungan sebanyak tiga peratus pada bulan ketujuh dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 60 bulan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Foodpanda Malaysia, Sayantan Das berkata, syarikatnya percaya usaha-usaha yang dapat memperkasakan keusahawanan untuk meningkatkan pertumbuhan perniagaan tempatan.

"Dengan kerjasama bersama Agrobank ini, kami dapat mensinergikan kekuatan dan perubahan yang hebat untuk bakal usahawan di platform kami.

"Foodpanda tidak hanya berfungsi sebagai pasaran pasif semata-mata yang mana para vendor boleh berhubung dengan setiap pelanggan mereka, tetapi kami turut berusaha untuk memupuk dan menyokong untuk mereka mencapai potensi penuh masing-masing," katanya. -Bernama

3 syarikat Singapura kuasai eksport ayam

Oleh **FAHMI FAIZ**

fahmi.faiz@media.mulia.com.my

PETALING JAYA: Sekurang-kurangnya tiga syarikat gergasi tempatan yang mengeksport ayam ke Singapura dimiliki oleh entiti dari negara seberang tambak itu.

Mereka mengeksploitasi kuota eksport ayam hidup dari Malaysia ke negara jiran berkenaan.

Sebahagian besar saham ketiga-tiga syarikat itu disahkan dimiliki oleh syarikat Singapura, malah salah satu daripadanya dimiliki 100 peratus oleh pemegang saham dari negara jiran itu.

Utusan Malaysia difahamkan, siasatan sedang dibuat terhadap ketiga-tiga syarikat berkenaan kerana disyaki menipu pengisytiharaan jenis ayam yang dieksport ke Singapura.

Bersambung di muka 3

2/11/2022

UTUSAN

DALAM

8

MALAYSIA

NEGERI

3 syarikat Singapura kuasai eksport ayam

Dari muka 1

Sumber industri mendedahkan, ketiga-tiga syarikat itu disyaki melakukan penipuan dengan mengisytiharkan di pintu-pintu keluar negara, kononnya ayam hidup yang mereka eksport ke Singapura adalah jenis ayam kampung atau *color broiler*, dan kononnya ini mematuhi kriteria eksport yang dibenarkan kerajaan Malaysia.

Sedangkan kata sumber, ayam yang dieksport itu merupakan ayam daging warna putih yang mana eksportnya dihadkan kerajaan, tapi pengisytiharan di pintu masuk mengesyaki mereka mendakwa ayam itu adalah jenis ayam kampung.

Untuk rekod, sejak 1 Oktober, Kabinet memutuskan bahawa eksport ayam yang sebelum ini

disekat bagi menstabilkan bekalan domestik, mula dibuka dengan jumlah 50 peratus berbanding 3.6 juta ekor ayam sebulan yang dibenarkan.

Menurut sumber, ada syarikat dikesan menggunakan kod eksport tertentu kononnya mereka mengeksport ayam hitam dan ayam kampung, tapi hakikatnya disyaki mengeksport ayam hidup warna putih.

"Walaupun memang dari segi kuota eksport, kerajaan luluskan 1.8 juta ekor sebulan, tapi saya difahamkan, pihak agensi sedang menyiasat satu trend dalam kalangan pengeksport ayam ini.

"Kuota 1.8 juta ini adalah ayam hidup. Agensi itu beritahu mereka nampak trend ada pengeksport yang mendaftarkan ayam hidup mereka sebagai ayam kampung atau *color broiler*,

mereka isytiharkan kononnya ayam yang dieksport itu adalah *color broiler*. Jadi, *color broiler* ini, di pihak agensi tiada had, boleh eksport banyak mana pun.

"Saya difahamkan, ada agensi dapat kesan kebelakangan ini trend eksport ke Singapura itu terlalu tinggi. Sebab mereka mengeksport yang berkomplot ini, mereka menggunakan satu kod khas iaitu kod eksport ayam hidup.

"Jadi, ayam hidup dicampur dengan ayam daging, ayam kampung, ayam hitam. Inilah yang pihak agensi beritahu saya, mereka kesan ada ruang untuk aktiviti penghantaran ayam ke Singapura yang melibatkan ayam daging warna putih," kata sumber di sini, semalam.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, ketiga-tiga syarikat yang beroperasi dalam negara

itu, sebenarnya dikuasai oleh pemegang saham dari Singapura dan tidak hairan mereka tidak rasa bertanggjawab pastikan bekalan domestik kekal stabil.

"Saya difahamkan bukan semua pemain gergasi buat. Ada tiga syarikat gergasi ayam saja terlibat dan mereka ini cukup licik. Pertama yang saya difahamkan yang melakukan permainan licik ini beroperasi di wilayah selatan sebab syarikat ini memilikinya orang Singapura. Mereka eksport pula kepada Singapura, kepada syarikat induknya di sana.

"Kemudian syarikat lain di wilayah selatan tanah air juga disyaki terlibat. Ketiga, syarikat beroperasi di wilayah tengah. Saya difahamkan ada satu agensi sedang menyiasat syarikat-syarikat ini," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Kerajaan naikkan subsidi, tingkatkan pengeluaran telur ayam

KOTA BHARU - Kerajaan menaikkan kadar subsidi bagi telur ayam gred A, B dan C sebanyak dua sen sebiji berkuat kuasa serta-merta bagi meningkatkan pengeluaran bahan mentah tersebut sekali gus menampung permintaan para pengguna.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, ia menjadikan kadar subsidi telur ayam di peringkat ladang dinaikkan daripada lapan sen kepada 10 sen sebiji supaya harga kawalan runcit kekal bagi telur gred berkenaan.

"Perkara ini dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya pada 25 Oktober dan ia telah dibawa kepada pengetahuan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz," katanya semasa sidang akhbar di sini pada Selasa.

Menurut beliau, mengambil kira kepentingan nasional, adalah wajar kerajaan mempertimbangkan permohonan untuk menambah subsidi berkenaan.

Ujarnya, subsidi tambahan itu juga dijangka memberi manfaat kepada 338 ladang ayam penelur bagi memastikan bekalan telur di pasaran lebih konsisten dan stabil.

Tambah beliau, untuk rekod sehingga Isnin jumlah subsidi RM1.13 bilion telah diluluskan melibatkan 13,440 permohonan subsidi ayam dan telur ayam.

Kadar subsidi naik dua sen berkuat kuasa semalam

Subsidi telur ayam kini 10 sen sebiji

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU - Kerajaan bersejajua menaikkan kadar subsidi telur ayam gred A, B dan C sebanyak dua sen sebiji menjadi 10 sen berkuat kuasa semalam.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, kenaikan subsidi itu menjadikan kadar subsidi sebiji telur daripada lapan kepada 10 sen sekali gus mampu meningkatkan pengeluaran bahan mentah itu selepas ini.

Menurutnya, keputusan itu diputuskan selepas mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan selepas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed kelmarin.

"Kos sebenar pengeluaran se-



KERATAN Kosmo/19 Oktober 2022.

biji telur dianggarkan 51 sen sebiji dan harga kawalan ditetapkan mengikut gred kira-kira 41 sen.

"Sebelum ini, subsidi diberikan untuk sebiji telur adalah sebanyak lapan sen. Jumlah itu menyebabkan pengeluar telur kurang berminat untuk mengeluarkan bahan mentah itu. Jadl, kerajaan telah menambah subsidi dua sen menjadi 10 sen berkuat kuasa serta-merta," katanya pada sidang akhbar di sini

semalam.

Mengulas lanjut, menurut Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia, sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu segera melaksanakan kaedah yang telah ditetapkan dengan merujuk Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan.

Dalam pada itu, katanya, kebanyakan penternak telah menyembelih ayam terlalu awal meskipun ayam-ayam tersebut masih boleh bertelur juga merupakan antara faktor kekurangan bekalan telur ketika ini.

Ujarnya, bekalan telur ayam berkurangan di pasaran apabila penternak mengambil langkah penyembelihan awal bagi mengurangkan kos mereka.

"Keadaan itu menyebabkan penternakan ayam yang akan bertelur akan mengambil masa sehingga menyebabkan kekurangan bekalan telur sehingga 100,000 biji sebulan," ujarnya.



GANGGUAN bekalan telur didakwa berlaku sejak seminggu lalu sehingga meresahkan pengguna dan peniaga.

**MUHAMMAD
ZHARIF
LUQMAN
HASHIM**



SEJAK Januari lalu, peningkatan harga yang diukur berdasarkan kepada pertumbuhan Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi makanan dan minuman mengatasi harga keseluruhan barangan dalam ekonomi. Data menunjukkan peningkatan harga makanan dan minuman pada Jun 2022 adalah yang tertinggi sejak 2015. Peningkatan harga makanan dan minuman ini memberi kesan besar kepada isi rumah kerana mereka memperuntukkan sekitar 29.5 peratus daripada perbelanjaan mereka ke atas makanan dan minuman.

Isu peningkatan harga makanan yang melanda negara pada ketika ini adalah isu global. Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, Malaysia tidak boleh mengelak daripada menerima kesan daripada gelagat negara-negara lain terutama negara-negara yang menjadi pembekal utama kepada bahan mentah sektor pertanian dan industri makanan.

Malaysia bergantung tinggi kepada import makanan dan juga import bahan mentah seperti makanan ayam dari negara luar. Negara-negara pengeksport ini telah mengalami gangguan pengeluaran akibat impak pandemik Covid-19, ketidakpastian cuaca dan keadaan geopolitik. India umpamanya, menghadkan eksport gandum kerana faktor cuaca yang menghadkan pengeluaran.

Peperangan antara Russia dan Ukraine walaupun hanya memberi kesan langsung yang minimum kepada Malaysia, namun konflik tersebut memberi kesan langsung kepada negara-negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Eropah. Dengan keadaan tersebut, Malaysia juga terkesan secara tidak langsung.

Apakah kesan inflasi ini kepada rakyat? Selain kuasa membeli rakyat semakin berkurangan akibat kenaikan tingkat pendapatan yang lebih rendah berbanding kenaikan harga barangan, tekanan kepada sekuriti makanan turut menjadi perkara perlu diberi perhatian.

Mengapa sekuriti makanan

Sekuriti makanan agenda utama jaga kebajikan rakyat

“Sekuriti makanan bermaksud makanan yang dibekalkan dalam pasaran domestik mencukupi untuk keperluan rakyat, mudah diperolehi dan bekalan yang berterusan serta stabil.”

penting kepada rakyat? Sekuriti makanan bermaksud makanan yang dibekalkan dalam pasaran domestik mencukupi untuk keperluan rakyat, mudah diperolehi dan bekalan yang berterusan serta stabil.

Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama untuk menjaga kebajikan rakyat dan memastikan daya tahan negara dalam mendepani pelbagai cabaran global.

Gambar rajah di bawah dapat memberi gambaran strategi yang telah dilakukan



MALAYSIA bergantung tinggi kepada import makanan dan juga import bahan mentah. - UTUSAN/MOHD. SHAHJAHAN MAAMIN

oleh kerajaan sepanjang rantaian bekalan makanan pada- ketika ini.

Secara spesifiknya, kerajaan telah merangka strategi jangka masa pendek, antaranya menyediakan pemberian subsidi langsung kepada pengeluar bagi menstabilkan harga makanan di pasaran serta mengimbangi kos pengeluaran makanan. Sebagai contoh, harga ayam runcit di pasaran adalah RM9.40 sekilogram manakala harga minyak masak

(boto) runcit pula RM7.10 sekilogram.

Kerajaan juga masih memberi subsidi bahan api bagi mengawal inflasi makanan dan barangan lain dalam ekonomi. Perkara ini susulan timbulnya trend peningkatan harga minyak mentah yang meningkat daripada AS\$84.10 setong pada Januari 2022 hingga mencecah AS\$114.70 setong pada Jun 2022. Perkara ini turut menyumbang kepada perbelanjaan subsidi yang


terbesar dalam sejarah iaitu jangkakan subsidi hampir RM80 bilion bagi tahun ini. Jika subsidi bahan api dikurangkan, ia akan meningkatkan harga bahan api dan peningkatan ini bakal memberi impak berganda kepada inflasi makanan dan keseluruhan barangan.

Malaysia juga dilihat bakal bekerjasama dengan kerajaan Turkiye dalam memperkasakan sekuriti makanan. Perjumpaan Perdana Menteri bersama Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan telah mencapai kata sepakat untuk bekerjasama bagi memastikan rantaian bekalan makanan sentiasa mencukupi dan stabil. Ini membuktikan komitmen dan usaha proaktif kerajaan dalam menstabilkan bekalan makanan dengan adanya Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA).

Selain itu, Malaysia juga akan bekerjasama dengan Turkiye bagi memperkukuh beberapa aspek sokongan dalam sektor makanan seperti pemerkasakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkongsian maklumat dan pengalaman.

PENULIS ialah ahli ekonomi di Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan.

INTERVENSI DASAR JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG KE ATAS HARGA DALAM RANTAIAN BEKALAN MAKANAN



Subsidi telur ayam naik kepada 10 sen

Kerajaan laksana langkah tingkat pengeluaran bekalan

Oleh Hidayatidayu Razali,
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kerajaan bersetuju menaikkan subsidi telur ayam grad A, B dan C daripada lapan sen kepada 10 sen bagi meningkatkan pengeluaran bahan mentah itu.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, berkata keputusan itu berdasarkan persetujuan Kementerian Kewangan.

Katanya, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pada minggu lalu yang dipengerusi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed memberitahu kedudukan bekalan telur ayam yang semakin meruncing.

"Pembentangan kos sebenar pengeluaran telur dikemukakan dan dikatakan kos pengeluaran bagi sebiji telur kira-kira 51 sen

sebiji, manakala harga kawalan yang ditetapkan mengikut grad sekitar 41 sen.

"Kerajaan memberi subsidi pada peringkat awal sebanyak tiga sen sebelum Jemaah Menteri bersetuju menaikkan kepada lapan sen dan jumlah yang diperoleh oleh pengeluar lebih kurang 49 sen.

"Masih ada jurang dua sen yang menyebabkan pengeluar telur tidak berminat untuk mengeluarkan telur berasaskan permintaan yang diperlukan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, sebahagian daripada mereka mengambil tindakan untuk menyembelih ayam yang mencapai umur tertentu yang sepatutnya boleh lagi bertelur.

Pembentangan kos sebenar pengeluaran telur dikemukakan dan dikatakan kos pengeluaran bagi sebiji telur kira-kira 51 sen sebiji, manakala harga kawalan yang ditetapkan mengikut grad sekitar 41 sen

Annuar Musa,
Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi



Peniaga menyusun telur dalam tinjauan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan, semalam. (Foto Azhar Ramli/BH)

Beliau berkata, mereka membelah awal ayam berkeinginan berikutan kos lebih mahal untuk mengekalkan ayam.

Katanya, ayam penggantian mengambil masa sebelum ia dapat mengeluarkan telur dan menyebabkan pengeluaran negara kurang hampir 100,000 biji setiap bulan berbanding keperluan.

Beri kekegangan pengeluaran

"Perkara itu dibincangkan dan jawatankuasa jihad tidak dapat membuat keputusan secara pantas jika ia membabitkan kewangan dan kita rujuk kepada Kementerian Kewangan dan Penasihat Undang-Undang.

"Dua hari lalu, Menteri

Kewangan (Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz) memaklumkan kepada saya subsidi telur dinaikkan lagi dua sen, menjadikan keseluruhan subsidi sebanyak 10 sen yang membabitkan telur grad A, B dan C dengan perbelanjaan semua melebihi RM20 juta. Dengan konon subsidi dua sen ini ia menyamai kos pengeluaran iaitu 51 sen.

"Jadi, diminta jawatankuasa khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) segera melaksanakannya dengan menggunakan kaedah perincian ini dan bolehlah merujuk kepada Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan," katanya.

Annuar berharap keputusan itu memberi kekegangan kepada pengeluar dan pada masa sama pihaknya perlu bekerjasama dengan mereka untuk meningkatkan pengeluaran dan pengedaran telur, terutama di Pantai Timur kerana kebanyakan ladang berada di Pantai Barat.

Katanya, permintaan di Pantai Barat yang tinggi menyebabkan bekalan telur di Pantai Timur berkurangan.

KKM pantau kemasukan 'baby nanas'

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memantau kemasukan 'baby nanas' di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM, Norrani Eksan, berkata sejak tahun lalu, pihaknya sudah mengemakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) ke atas 'baby nanas' (kulit berkusap) yang diimport.

Sehingga kini, sebanyak 115 sampel buah nanas diambil bagi tujuan analisis pelbagai parameter.

"Sebanyak 11 sampel didapati mengandungi siklamat dan disabitkan kesalahan dengan jumlah denda RM8,500.

"Merujuk kepada isu buah nanas kecil atau dikenali 'baby nanas' yang tular di media sosial, baru-baru ini dan didakwa mengandungi bahan pemanis tanpa zat siklamat, sebenarnya ia sudah tular pada 2017 dan 2019 yang mana kenyataan akhbar mengenainya pernah dikeluarkan pada 31 Mei 2019.

"Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30-50 kali lebih daripada gula sukrosa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Norrani berkata, menurut Codex General Standard for Food Additives (GSFA), siklamat dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli, marmalad, produk koko dan koki dan coklat sebatian serta minuman berperisa.

"Namun, siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang dikupas atau sedia dimakan. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 turut tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar," katanya.

KKM akan meneruskan pemantauan di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan di bawahnya.

Pastikan patuh akta

"KKM turut bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia bagi perkongsian data pemantauan

nanas yang dijual di pasaran tempatan.

"Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyedai atau menjual apa-apa makanan yang diadukan dengan mengandungi apa-apa bahan penambahannya tidak dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 atau peraturan-peraturan di bawahnya," katanya.

Beliau berkata, mereka yang didapati melanggar peruntukan itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Justeru, katanya, peniaga diingatkan tidak mengadakan atau menjual buah 'baby nanas' yang terdapat siklamat.

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) sudah meningkatkan pemantauan buah nanas di pasaran tempatan sejak 2017.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM Norrani Eksan berkata, sejak tahun lalu, pihaknya sudah mengenakan pemeriksaan Tahan, Uji dan Lepas (TUL) ke atas 'baby nanas' (kulit berkupas) yang diimport ke dalam negara.

Menurutnya, hingga kini, 115 sampel buah nanas diambil bagi tujuan analisis pelbagai parameter.

Siklamat: Nanas di pintu masuk, pasaran dipantau



Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30-50 kali lebih daripada gula sukrosa

Norrani Eksan

"Sebanyak 11 sampel didapati mengandungi siklamat dan disabitkan kesalahan dengan denda RM8,500.

"Merujuk kepada isu buah nanas kecil atau 'baby nanas' yang tular di media sosial baru-baru ini dan didakwa mengandungi bahan pemanis tanpa zat siklamat, sebenarnya ia sudah tular pada 2017 dan 2019 apabila kenyataan akhbar berhubung perkara ini pernah dikeluarkan pada 31 Mei 2019.

"Siklamat adalah sejenis pemanis tanpa zat yang memberikan rasa manis 30-50 kali lebih daripada gula sukrosa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Norrani berkata, menurut

Codex General Standard for Food Additives (GSFA), siklamat dibenarkan ditambah dalam makanan tertentu seperti jem, jeli, marmalad, produk koko dan hasilan coklat termasuk sapuan koko dan coklat sebatian serta minuman berperisa.

"Namun siklamat tidak dibenarkan ditambah di dalam buah-buahan segar termasuk yang dikupas atau sedia dimakan.

"Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak membenarkan penambahan siklamat pada buah-buahan segar," katanya.

Beliau berkata, KKM akan meneruskan pemantauan ke atas buah nanas di semua pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan ia mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan.

"BKMM turut bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia bagi perkongsian data pemantauan nanas yang dijual di pasaran tempatan.

"Seksyen 13(B) Akta Makanan 1983 memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual

apa-apa makanan yang diadukan dengan mengandungi apa-apa bahan penambahannya tidak dibenarkan mengikut Akta Makanan 1983 atau peraturan di bawahnya," katanya.

Menurutnya, mereka yang didapati melanggar peruntukan itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, peniaga diingatkan tidak mengadukkan atau menjual buah 'baby nanas' yang terdapat siklamat.

Subsidi telur ayam dinaikkan lagi 2 sen

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kerajaan tingkat daripada 8 sen kepada 10 sen bagi sebiji telur ayam gred A, B dan C

Kota Bharu

Kerajaan bersetuju menaikkan subsidi untuk sebiji telur ayam gred A, B dan C daripada lapan sen ketika ini kepada 10 sen bagi meningkatkan pengeluaran telur.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Tan Sri Annuar Musa berkata, keputusan itu berasaskan kepada kebenaran dan persetujuan Kementerian Kewangan.

Katanya, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi minggu lalu yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed memaklumkan kedudukan bekalan telur ayam yang semakin meruncing.

"Pembentangan kos sebenar pengeluaran telur dikemukakan dan dikatakan, kos pengeluaran bagi sebiji telur kira-kira 51 sen manakala harga kawalan yang ditetapkan mengikut gred sekitar 41 sen.

"Kerajaan memberi subsidi pada peringkat awal sebanyak tiga sen sebelum jemaah menteri bersetuju menaikkan kepada lapan sen dan jumlah yang diperoleh oleh pengeluar lebih kurang 49 sen.

"Masih ada 'gap' (beza) dua sen yang menyebabkan pengeluar telur tidak berminat untuk mengeluarkan telur berasaskan permintaan yang diperlukan," katanya pada sidang media, semalam.



MESYUARAT Jawatankuasa Teknikal Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi minggu lalu memaklumkan bekalan telur ayam semakin meruncing.



Pembentangan kos sebenar pengeluaran telur dikemukakan dan dikatakan, kos pengeluaran bagi sebiji telur kira-kira 51 sen"

Annuar Musa

Menurut beliau, sebahagian daripada pengeluar telur mengambil tindakan untuk menyembelih ayam yang mencapai umur tertentu yang sepatutnya boleh lagi bertelur.

"Oleh kerana kos untuk mengekalkan ayam itu lebih mahal, mereka menyembelih awal ayam berkenaan," katanya.

Beliau berkata, ayam penggantian memakan ma-

sa sebelum ia dapat mengeluarkan telur dan menyebabkan pengeluaran telur ayam negara kurang hampir 100,000 biji setiap bulan berbanding keperluan.

"Perkara itu dibincangkan dan seperti mana saya maklumkan, jawatankuasa jihad tidak dapat membuat keputusan secara pantas jika ia membabitkan kewangan dan kita rujuk kepada Kementerian Kewangan dan Penasihat Undang-Undang.

"Dua hari lalu (Ahad), Menteri Kewangan (Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz) memaklumkan kepada saya subsidi telur dinaikkan lagi sebanyak dua sen dan menjadikan keseluruhan subsidi sebanyak 10 sen membabitkan telur gred A, B dan C dengan perbelanjaan semua melebihi RM20 juta. Dengan kenaikan sub-

sidi dua sen ini ia menyamai kos pengeluaran iaitu 51 sen.

"Jadi, diminta jawatankuasa, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) hendaklah segera melaksanakan dengan menggunakan kaedah perincian ini dan bolehlah merujuk kepada Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan," katanya.

Annuar berharap keputusan itu memberi kelegaan kepada pengeluar. Pada masa sama, pihaknya perlu bekerjasama dengan mereka untuk meningkatkan pengeluaran dan pendedaran telur terutama di pantai timur kerana kebanyakan ladang di pantai barat.

Katanya, disebabkan permintaan di pantai barat tinggi, bekalan telur di pantai timur berkurangan.